

21/05/2000

Bahasa dihormati jika Melayu maju

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahasa Melayu akan dihormati dunia jika bangsa Melayu maju dalam pelbagai bidang termasuk ilmu perniagaan dan usaha penerokaan yang berani, setanding dengan bangsa lain.

Ini kerana, Perdana Menteri berkata, sekiranya Melayu mundur, bahasanya akan turut hilang daripada pandangan dunia.

"Sebenarnya, sesuatu bahasa tidak akan dihormati sekiranya bangsa itu mundur. Lihat apa yang terjadi kepada bahasa Mesir dan Latin (asal).

"Kalau dulu bangsanya maju tetapi apabila mereka sudah mula hilang, bahasanya pun turut hilang di muka bumi ini.

"Jika bangsa Melayu mundur, pastinya bahasa kita juga akan menerima nasib yang sama," katanya di majlis 'Malam Sanjung Budi' sempena ulang tahun ke-30 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Hotel Palace of the Golden Horses di sini malam tadi.

Turut hadir Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman selaku Canselor UKM; Tuanku Ampuan Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin; Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; serta kedua-dua Pro Canselor UKM Tan Sri Abdullah Mohd Salleh dan Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail.

Dr Mahathir berkata, kemajuan bahasa tidak akan tercapai tanpa membabitkan bangsa itu sendiri.

"Bahkan kadang-kadang kita berpendapat kemajuan bangsa lebih penting daripada kemajuan bahasa kerana kemajuan sesuatu bangsa akan diikuti dengan kemajuan bahasanya," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kemajuan bahasa Melayu dengan memberi biasiswa dan tempat kepada orang Melayu untuk menimba ilmu.

Bagaimanapun, katanya, jika peluang yang diberikan itu tidak digunakan sebaiknya, amat sukar untuk melihat bangsa Melayu berada di peringkat yang tertinggi.

"Kita harus gunakan peluang yang ada untuk mempelajari segala bentuk ilmu. Pada masa sama, kita juga perlu berani menghadapi cabaran dan masalah mendatang.

"Di sini, sekali lagi saya ingin tarik perhatian orang yang sudah berjaya seperti (pelayar) Datuk Azhar Mansor.

"Kita mahu ramai lagi yang berjaya sepertinya supaya dunia ingin mengenali Melayu lebih dekat lagi," katanya.

Di majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan buku Citra Cemerlang 30 tahun UKM.

(END)